

Elemen Sokongan Pelaksanaan Program Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Institusi Pemulihan Akhlak

Support Elements for the Implementation of the Delinquent Adolescent Identity Development Programme at Moral Rehabilitation Institutions

Mariam Abd Majid

Universiti Islam Selangor

mariam@kuis.edu.my

Aisyah Humairak Abdul Rahman

Universiti Islam Selangor

21mt09001@student.kuis.edu.my

Nurzatil Ismah Azizan

Universiti Islam Selangor

nurzatil@kuis.edu.my

Noor Hafizah Mohd Haridi

Universiti Islam Selangor

noorhafizah@kuis.edu.my

Noraini Mohamad

Universiti Islam Selangor

norainimohamad@kuis.edu.my

Abur Hamdi Usman

Universiti Islam Selangor

aburhamdi@kuis.edu.my

Zainab Ismail

Kolej Dar al-Hikmah

zainab@hikmah.edu.my

ABSTRAK

Peningkatan kemasukan pelatih ke institusi pemulihan perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Pelbagai kes salah laku sosial dikenal pasti menjadi faktor golongan remaja ditempatkan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Keberkesanan usaha pemulihan akhlak anak remaja di institusi-institusi pemulihan akhlak memerlukan sokongan semua pihak. Artikel ini bertujuan mengemukakan elemen-elemen sokongan yang dapat menyumbang terhadap keberkesanan pelaksanaan program pembangunan jati diri dalam kalangan remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi. Data diperolehi menerusi instrumen protokol temu bual separa struktur dan dianalisis secara pendekatan induktif. Dapatan kajian mendapati tiga elemen sokongan utama bantu menyumbang terhadap keberkesanan pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak iaitu guru pembimbing, ibu bapa dan pengamalan agama. Elemen-elemen sokongan ini penting dan didapati berupaya memantapkan usaha pembangunan jati diri remaja di institusi pemulihan akhlak bagi membentengi diri daripada terjebak kembali dalam salah laku sosial dan mendepani cabaran kehidupan seharian.

Kata Kunci: Elemen, Sokongan, Pembangunan Jati Diri, Remaja Delinkuen, Institusi Pemulihan Akhlak

ABSTRACT

Increasing the entry of trainees into rehabilitation institutions needs to be taken into account by all parties. Various cases of social misbehavior have been identified as a factor in teenagers being placed in moral rehabilitation institutions in Malaysia. The effectiveness of the moral rehabilitation efforts of teenagers in moral rehabilitation institutions requires the support of all parties. This article aims to present elements of support that can contribute to the effectiveness of the implementation of identity development programs among delinquent youth in moral rehabilitation institutions. This study is a qualitative study with a phenomenological design. Data was obtained through a semi-structured interview protocol instrument and analyzed using an inductive approach. The findings of the study found that three main support elements help to contribute to the effectiveness of the implementation of identity development programs for delinquent teenagers in moral rehabilitation institutions, namely guidance teachers, parents and religious practice. These support elements are important and found to be able to strengthen the efforts of adolescent identity development in moral rehabilitation institutions to protect themselves from falling back into social misbehavior and face the challenges of everyday life.

Keywords: Elements, Support, Self-Identity Development, Delinquent Adolescent, Moral Rehabilitation Institutions

PENDAHULUAN

Delinkuensi secara tipikalnya merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang salah atau bertentangan dengan norma sosial dan kadang kala melibatkan tingkah laku keganasan dan anti sosial (Rozmi, Nor Azri, Fauziah & Salina, 2017). Tingkah laku delinkuen juga merujuk kepada tingkah laku remaja yang melanggar peraturan atau undang-undang. Kes delinkuen remaja dirujuk mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Intan Farhana & Siti Nabilah, 2018). Perbuatan salah laku delinkuen ialah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma masyarakat dan undang-undang atau peraturan negara (Mariam et al., 2022).

Pelbagai kes salah laku delinkuen yang melibatkan golongan remaja didapati berlaku dengan berleluasa pada masa kini. Kajian Absha dan Mohd Isa (2019) mendapati sebanyak 27.1% remaja di salah sebuah pusat perlindungan terlibat dengan kes keganasan, 48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% pula terlibat dengan lain-lain kes masalah sosial. Statistik daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2018) merekodkan seramai 16, 209 orang yang terlibat dengan kes pengambilan dadah adalah golongan yang berumur antara 13 hingga 39 tahun. Pada tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatatkan jumlah keseluruhan kes kanak-kanak atau remaja yang terlibat dengan salah laku ialah seramai 5,294 orang. Terdapat 5,004 kesalahan yang melibatkan remaja lelaki manakala selebihnya 209 kesalahan adalah daripada kalangan remaja perempuan. Jumlah kesalahan yang dilakukan remaja lelaki lebih ramai berbanding remaja perempuan dan kanak-kanak atau remaja yang disabitkan dengan kesalahan ini berumur di antara 10 hingga 21 tahun (Suriani et al., 2021; Rosni et al., 2019; Rosni et al., 2020). Menurut Buerah et al. (2015) salah laku delinkuen dalam kalangan remaja yang melibatkan kes ringan adalah seperti ponteng sekolah, melanggar peraturan sekolah diikuti kes sederhana seperti melawan guru, menghisap rokok, membuli dan kes berat seperti penagihan dadah, pergaulan seks bebas, pembuangan bayi dan melahirkan anak luar nikah. Data kajian menunjukkan remaja di pusat perlindungan terlibat dalam kes salah laku seks adalah yang tertinggi berbanding kes-kes kesalahan yang lain (Absha & Mohd Isa, 2019).

Penglibatan golongan remaja dalam salah laku delinkuen khususnya pada era globalisasi ini disebabkan pelbagai faktor antaranya pengabaian tanggungjawab ibu bapa, kepincangan institusi keluarga, kurang keprihatinan institusi sosial serta kerapuhan jati diri remaja itu sendiri (Nurzatil et al., 2022). Kajian Faizah et al. (2018) mendapati peningkatan salah laku delinkuen dalam kalangan remaja pada hari ini disebabkan oleh kekurangan sokongan sosial. Ini secara tidak langsung memberikan impak besar terhadap diri remaja sendiri, masyarakat dan negara (Karim, Long & Badaruddin, 2021). Justeru, isu ini perlu diberi keutamaan dan ditangani dengan kadar yang segera. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti sahsiah, pengetahuan, kemahiran dan jati diri sangat diperlukan untuk memberi sumbangan secara positif terhadap pembangunan negara pada masa depan.

Ini kerana mereka merupakan generasi yang bakal menyambung tugas serta tanggungjawab sebagai pewaris dan bakal pemimpin negara pada masa akan datang (Noor Hafizah et al., 2017).

Di Malaysia, program pemulihan akhlak dijalankan melalui dua platform iaitu sama ada di pusat-pusat pemulihan yang diwujudkan atau dalam komuniti (Nurul Husna, 2016; Nursyahidah, Nurul Husna & Yusmini, 2020). Tindakan mewujudkan institusi pemulihan akhlak merupakan antara inisiatif pihak kerajaan, badan bukan kerajaan serta individu bertujuan membantu usaha pemulihan akhlak remaja yang terlibat dalam salah laku delinkuen. Kajian Khairul Hamimah dan Nurul Husna (2019) mendapati program pemulihan yang dijalankan di salah satu institusi pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diterima baik para pelatih kerana memenuhi keperluan mereka dalam melakukan tranformasi diri ke arah yang lebih baik.

Namun, apa yang membimbangkan ialah apabila sebahagian golongan remaja yang telah melalui program pemulihan akhlak di institusi pemulihan kembali terjebak dalam salah laku delinkuen setelah keluar daripada institusi tersebut. Pengambilan bahan terlarang seperti dadah adalah antara kes delinkuen remaja yang ditempatkan di institusi pemulihan akhlak. Kajian Jasni, Bakar dan Nasir (2020) mendapati tiga faktor utama menyebabkan bekas banduan di Malaysia kembali terjebak dengan ketagihan dadah dan hidup sebagai gelandangan ialah tiada sokongan keluarga, tiada pekerjaan dan ketagihan kepada dadah. Fenomena ini menunjukkan keperluan sokongan sosial dan bantuan diberikan kepada bekas banduan bagi meneruskan kehidupan apabila keluar daripada penjara. Aspek sokongan juga turut diperlukan dalam menjamin keberkesanan usaha pembangunan jati diri remaja delinkuen yang dilaksanakan di institusi pemulihan akhlak (Siti Hajar, Dharatun, Siti, Restu & Jeffery, 2019). Sokongan sosial daripada rakan, keluarga dan kesedaran komuniti melahirkan konsep sendiri yang positif yang membantu pesalah untuk berintegrasi semula dengan masyarakat (Tharshini et. al, 2021).

Dalam proses sosialisasi, sokongan sosial berperanan sebagai aset kepada psikososial bagi membantu perkembangan yang sihat dalam kalangan remaja. Menurut Lepore (1994), sokongan sosial merupakan sumber yang boleh diperolehi sama ada secara terus atau hanya dirasai oleh seseorang individu dalam persekitaran sosialnya yang membawa kepada keselesaan atau bantuan kepadanya terutama semasa diri dalam keadaan tertekan. Sokongan sosial dari aspek persekitaran tempat tinggal remaja turut boleh menyebabkan mereka mudah terjebak dalam aktiviti negatif (Mohd Nasir Selamat et al., 2018). Dalam fasa perkembangan remaja, emosi dan tingkah laku remaja lebih mudah dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran iaitu aspek sosial dan persekitaran berbanding dengan orang dewasa (Moon & Basham, 2010). Remaja mudah dipengaruhi oleh persekitaran dan boleh mempengaruhi perkembangan mereka (DeSantis et al., 2006). Peringkat remaja memerlukan pembimbing untuk

memberi panduan kepada tindak tanduk kehidupan mereka seharian. Ibu bapa, guru, ahli keluarga, kaunselor dan rakan adalah antara pihak yang boleh berperanan sebagai pembimbing bagi golongan remaja (Mairin et al., 2020).

Ibu bapa dan keluarga merupakan faktor persekitaran sosial yang paling dekat dengan diri remaja. Kajian Beam, Gil-Rivas, Greenberger dan Chen (2002) mengemukakan bahawa keluarga berperanan sebagai pelindung kepada risiko tinggi masalah tingkah laku. Ini selari dengan kajian oleh Deng dan Roosa (2007) mendapati keluarga mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja. Ini membuktikan kepentingan pengawasan dan kawalan ibubapa kepada golongan remaja (Faizah, Rozmi & Norizan, 2018).

Rakan-rakan turut menjadi antara faktor yang dominan mempengaruhi tingkah laku seseorang (Norsahida et al., 2021). Golongan remaja yang mempunyai masalah hubungan dengan ibu bapa kebiasaannya banyak bergaul dan menghabiskan masa bersama kawan-kawan (Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail & Norizan Hassan, 2018). Remaja memerlukan rakan-rakan untuk mendapat pandangan, sokongan, simpati dan kasih sayang (Fatimah, 2007).

Guru dan persekitaran memainkan peranan penting dalam memastikan aspek penyesuaian psikososial kanak-kanak yang menghuni di institusi pemulihan akhlak bagi memastikan tahap perkembangan kehidupan mereka yang sempurna (Adelman & Taylor, 2014). Kajian lepas mendapati terdapat guru-guru yang mempunyai masalah dalam memberikan khidmat pendidikan yang berkualiti terutama kepada golongan penghuni yang ditempatkan di institusi pemulihan akhlak. Ini kerana guru menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pelbagai masalah seperti motivasi belajar yang rendah dan masalah tingkah laku pelajar (Glantz & Gushwa, 2014). Selain itu, guru juga sering kali terpaksa berhadapan dengan situasi yang memberikan tekanan yang tinggi dari segi emosi (Adelman & Taylor, 2014). Menurut Martin dan Bustillo (2015) guru disarankan untuk bijak menggunakan pengetahuan dan keupayaan yang ada untuk menangani situasi dengan cuba mewujudkan hubungan sihat bersama pelajar, pengurusan kelas yang efektif dan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dari segi pembelajaran dan perubahan akhlak ke arah positif. Justeru itu, berdasarkan daripada kajian di atas mendapati bahawa pihak guru perlu memainkan peranan penting kerana mereka adalah individu yang paling dekat dengan kanak-kanak dan pelajar dalam persekitaran sekolah. Proses instruksional di dalam atau luar bilik darjah boleh dijadikan platform untuk meningkatkan motivasi, pembelajaran dan tingkah laku kanak-kanak penghuni institusi untuk menjadi individu yang berguna dan berfungsi dengan baik di dalam masyarakat (Fox et al., 2011; Ropizah et al., 2019). Guru pembimbing berperanan menyediakan pengalaman hidup yang memberangsangkan kerana ia memberikan impak besar kepada kejayaan penyesuaian psikososial terutama kepada kanak-kanak yang menghuni di pusat perlindungan (Ropizah et al., 2019). Berdasarkan kepentingan elemen sokongan ini,

artikel ini bertujuan mengenalpasti elemen-elemen sokongan yang menyumbang terhadap keberkesanan pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur sebagai instrumen pengumpulan data kajian. Kajian kualitatif ini mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu penerokaan, deskriptif dan intepretatif, bersifat holistik, rekabentuk yang berkembang dan persampelan bertujuan (Othman Lebar, 2017).

Reka bentuk kajian ini adalah kajian fenomenologi. Secara mudah fenomenologi bermaksud kajian tentang sesuatu fenomena. Dalam maknanya yang luas, fenomenologi merupakan satu kerangka teori yang menekankan kajian tentang bagaimana pengalaman harian mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia. Ini melibatkan bagaimana manusia mentafsir dan memberi makna terhadap perkara atau peristiwa yang mereka alami dan lalui dalam kehidupan sehari-hari (Othman Lebar, 2022).

Protokol temu bual mempunyai set soalan terbuka yang membolehkan informan memberi persepsi mereka terhadap elemen sokongan dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak remaja delinkuen yang dijalankan di institusi-institusi pemulihan akhlak. Data temubual dianalisis menggunakan pendekatan induktif bagi mencapai objektif kajian ini iaitu mengenal pasti elemen sokongan dalam proses pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak.

Informan Kajian

Menurut Cresswell (2012) bilangan peserta kualitatif yang ideal adalah dalam lingkungan 3 hingga 10 orang tertakluk kepada keperluan kajian. Kajian ini menemubual enam orang informan daripada dua buah institusi pemulihan akhlak yang dipilih. Menurut Airasian dan Gay (2003) terdapat dua panduan digunakan untuk menentukan pemilihan peserta kajian adalah mencukupi. Pertama, sejauhmana informan kajian yang dipilih mewakili potensi peserta dalam kajian yang dilaksanakan. Kedua, pertindanan maklumat yang diperolehi daripada peserta kajian. Kajian telah memilih teknik persampelan bertujuan dengan memilih enam orang informan daripada kumpulan heterogeneous berdasarkan kriteria berikut:

1. Kategori informan terdiri daripada dua kategori iaitu pihak pelaksana di institusi pemulihan akhlak dan pakar bidang berkaitan pembangunan jati diri remaja delinkuen.

2. Berpengalaman menguruskan pemulihan akhlak serta berkepakaran berkaitan pembangunan jati diri remaja delinkuen.

Jadual 1: Senarai Informan

Informan	Sekolah/Pusat	Bidang/ Jawatan
Informan 1	Open Universiti Malaysia (OUM)	Pembangunan Remaja (Pensyarah)
Informan 2	Universiti Islam Selangor (UIS)	Pembangunan Spiritual (Pensyarah)
Informan 3	Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah	Pembangunan Remaja (Pengurus)
Informan 4	Pertubuhan Darul Islah Malaysia	Pembangunan Remaja (Tenaga Pengajar)
Informan 5	Asrama Bahagia (Remaja Perempuan)	Pembangunan Remaja (Pengetua)
Informan 6	Taman Seri Puteri	Pembangunan Remaja (Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati terdapat tiga elemen sokongan yang penting dalam proses pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak iaitu guru pembimbing, ibu bapa dan pengamalan agama. Berikut adalah huraian terperinci berkaitan elemen-elemen sokongan tersebut:

a) Guru Pembimbing

Guru pembimbing merupakan elemen sokongan penting dalam proses pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak. Keperluan bimbingan, pemantauan dan didikan daripada seorang guru sangat penting bagi memastikan proses pembangunan jati diri remaja dilaksanakan dengan berkesan dan membuahkan hasil untuk melahirkan remaja yang berakhlak mulia (Siti Aisyah & Latifah, 2017). Ini sejajar dengan dapatan kajian Mohd Burhan, Abdul Hamil & Mohd Nordin (2016) bahawa guru atau pembimbing zaman kini sewajarnya berfungsi dan memainkan peranan sebagai pembina dan pengukuh kemahiran sosial pelajar dalam berinteraksi secara sopan, menghormati sesama manusia serta mempunyai sifat tanggungjawab dalam diri sendiri. Informan 2 menyatakan;

“Kemudian ada satu lagi elemen yang dipanggil bahasa kita kata guru atau pembimbing lah iaitu remaja ni akan mendapatkan bimbingan jadi, mesti

ada orang yang membimbing. Dalam proses pembangunan jiwa ini tidak akan berjaya kalau kita zikir, tafakur dan uzlah tanpa guru atau pembimbing tak boleh. Mesti ada gurunya dan setiap guru yang nak membimbing itu mesti ada syarat-syaratnya sebagai seorang pembimbing tadi”.

Proses pembangunan jati diri remaja terutama dari aspek spiritual sangat memerlukan bimbingan dan pemantauan daripada seorang guru. Terdapat beberapa syarat diperlukan untuk menjadi seorang guru pembimbing iaitu;

i. Berpengetahuan Dalam Bidang Spiritual

Bidang spiritual atau kerohanian merupakan asas penting dalam pembangunan jati diri manusia. Ia merupakan satu sistem nilai yang perlu difahami, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan manusia. Oleh itu, menjadi satu kepentingan bagi seorang guru mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang spiritual untuk membentuk dan membangun semula jati diri remaja yang terlibat dengan salah laku delinkuen. Ini sejajar dengan dapatan kajian Maziahtusima, Norhasni & Fathiyah (2017) yang menyatakan bahawa guru dalam bidang pendidikan Islam mempunyai peranan yang sangat besar dalam membawa perubahan ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran khususnya yang berkait rapat dengan pengamalan serta penghayatan Islam dalam kalangan remaja. Kenyataan ini membuktikan bahawa guru kepada remaja bermasalah yang ditempatkan di institusi pemulihan akhlak perlu mahir dan berpengetahuan dalam bidang spiritual. Informan 2 menyatakan;

“Pada pandangan saya, guru ini perlu mengikut acuan atau kaedah spiritual dan dia tak sama caranya dengan guru fizikal seperti yang mengajar subjek matematik, English dan sebagainya. Jadi, untuk melahirkan pelajar atau remaja yang cemerlang spiritual perlu kepada guru yang cemerlang spiritualnya juga. Bab spiritual ini mesti guru spiritual dan tak boleh campur aduk”

Syarat untuk menjadi pembimbing kepada remaja delinkuen ialah berpengetahuan dalam bidang spiritual. Ini kerana untuk melahirkan seorang remaja yang cemerlang akhlak, sahsiah dan jati dirinya terutama dari sudut spiritual memerlukan kemampuan memberi bimbingan dan didikan.

ii. Mengikuti Bersama Program Pembangunan Spiritual

Syarat kedua sebagai guru pembimbing ialah mengikuti program pembangunan spiritual sebagaimana yang dilalui oleh golongan remaja. Ini selari dengan dapatan Amin, Saiful & Abdulloh (2019) yang mengemukakan bahawa proses untuk penyucian dan latihan jiwa golongan remaja delinkuen salah satunya adalah melibatkan peranan yang dimainkan oleh para pembimbing, jurulatih, murabbi atau mentor. Para guru pembimbing perlu memantau, memberi teguran dan dorongan serta memperuntukkan banyak masa untuk tinggal bersama pelatih di dalam satu bangunan

kerana pendekatan tersebut memberi kesan yang kuat terhadap perubahan jati diri pelatih semasa dalam tempoh pemulihan. Informan 2 berkata:

“Mesti dia melalui proses spiritual bagaimana dia nak ajar orang itu macam tulah dia lalui sebelum tu. So, special lah. Proses apa? Proses zikir, tafakur atau uzlah tadi mesti ada dan dia buat proses-proses tersebut. Kalau sekadar TOT sahaja dan pandangan saya sekadar sehari dua hari sahaja mesti tak jadi. Dia mesti duduk dalam uzlah 10 hari dan lulus. Dah lulus baru dia mampu untuk membimbing orang lain. Kenapa kita buat syarat macam tu? Sebabnya macam mana engkau nak didik dan bentuk spiritual orang sedangkan spiritual engkau sendiri pun tak terbangun cuba bayangkan. Awak nak didik orang jangan marah tapi awak pun marah-marah.. jadi tak cantik la.. seperti mengajar anak ketam. So, saya rasa siapa yang nak jadi guru untuk ini saya rasa kena pergi uzlah. Sebabnya imam al-Ghazali sebut tu dalam bahagian apa saya tak ingat disebut tentang daripada gurunya, adabnya, uzlahnya dan zikirnya lengkap semua”.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pengalaman mengikuti program bimbingan spiritual oleh guru/pembimbing sangat penting sebelum membantu usaha membangunkan jati diri remaja delinkuen. Aspek spiritual sangat berkait rapat dengan pembangunan hati dan jiwa seseorang. Seorang guru/pembimbing perlu memiliki hati dan jiwa yang hidup agar berupaya menghidupkan hati dan jiwa orang lain.

iii. **Mengekalkan Hubungan Erat**

Seorang guru/pembimbing perlu mengekalkan dan menjaga hubungan yang baik bersama remaja (Ahmad, Kamarul & Khairunnisa, 2016). Menurut informan 2;

“Jadi saya letakkan dan tambah lagi satu lagi daripada part remaja pula. Part guru kena bimbing remaja amalan tapi part remaja dia tak boleh putus hubungan dengan guru. Untuk memastikan dia istiqamah ini dia bersuhbah iaitu jangan putus hubungan dengan guru atau sentiasa bersama dengan guru. Itu semua saya highlightkan kalau perhatikan macam mana Rasulullah bersama sahabat begitulah”.

Guru pembimbing merupakan elemen penting dalam membantu proses pemulihan dan pembangunan jati diri remaja delinkuen. Guru berperanan sebagai seorang pembimbing dalam memberikan didikan kepada remaja untuk beramal dengan amalan-amalan yang dapat membentuk dan membangunkan hati serta jati diri mereka semula. Bagi memastikan keberkesanan proses pembangunan dan pemulihan remaja di institusi pemulihan akhlak, remaja perlu sentiasa menjaga hubungan bersama guru pembimbing agar berupaya memastikan diri mereka kekal istiqamah dalam ketaatan untuk melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya.

Kenyataan ini disokong oleh kajian Kamarul Azmi et al. (2012) yang menyatakan bahawa hubungan baik antara pelajar dan guru perlu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Ini sejajar juga dengan dapatan Ropizah et al. (2019) bahawa mewujudkan hubungan baik antara guru dan murid sangat penting dalam membina persekitaran pembelajaran yang sihat dan kondusif. Hubungan yang baik akan membentuk jaringan sosial, komunikasi, emosi dan psikologi yang stabil.

b) **Elemen Ibu Bapa**

Ibu bapa merupakan insan yang berperanan dan bertanggungjawab dalam mendidik, membimbing dan membentuk anak-anak menjadi insan berguna kepada agama, bangsa dan negara serta menjadi hamba yang sentiasa taat segala perintah Allah SWT. Namun begitu, peranan dan tanggungjawab ibu bapa pada zaman ini dilihat semakin mencabar seiring dengan kepesatan teknologi dan arus modenisasi. Keberkesanan sahsiah, akhlak dan tingkah laku anak sangat bergantung kepada didikan ibu bapa (Syamila & Che Zarrina, 2020). Pendidikan berteraskan kepada acuan serta asuhan Islam berupaya membentuk akhlak anak-anak sekali gus membentengi diri daripada terjebak dengan salah laku delinkuen dan melakukan perkara yang melanggar syariat Islam. informan 6 ;

“Pada pandangan saya, paling penting adalah peranan ibu bapalah sebenarnya. Contoh, bila anak bermasalah dihantar ke pusat pemulihan akhlak tidak bermaksud ibu bapa tidak ada peranan di situ, tapi mereka perlu tetap memberi sokongan semasa remaja menjalani pemulihan. Dan sebagai ibu bapa perlu ada persediaan apabila anak keluar daripada pusat pemulihan kerana ia adalah kesinambungan untuk anak-anak terus berubah ke arah yang lebih baik”

Sehubungan dengan itu, elemen ibu bapa dilihat menjadi elemen sokongan sangat penting dalam program membangun jati diri remaja delinkuen. Terdapat dua persediaan penting sebagai ibubapa dalam usaha pembangunan jati diri remaja;

i. **Persediaan Ilmu**

Selaras dengan status keluarga sebagai institusi pendidikan pertama, ibu bapa bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, akidah dan akhlak kepada anak-anak (Yahaya, 2017). Menurut Che Zarrina, Sharifah, Siti Sarah & Faizuri (2019) ibu bapa harus mempunyai ilmu berteraskan syariat Islam. Ibu bapa perlu mempunyai persediaan untuk melaksanakan peranan dalam institusi keluarga. Informan 3 berkata:

“Sebagai ibu bapa sama ada saya ke atau orang lain ke kan, kita tak pernah ada ruang dan tak pernah ada satu kefahaman yang nak jadi mak ayah kena belajar. Itu yang kita tak tahu sebab kenapa saya cakap macam ni sebab ramai mak ayah yang hantar anak ni dia bukan yang biasa-biasa. Dia cikgu,

dia ustazah, dia pensyarah, doktor. So, maknanya kita ni ada persediaan untuk jadi seseorang untuk kerjaya, tapi kita tidak ada persediaan untuk diri kita jadi mak ayah tu sebab kenapa saya nak ketengahkan isu ni sebabnya persediaan seseorang itu menjadi ibu bapa”.

Ibu dan bapa penting mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu keibubapaan sebagai panduan dalam mendidik anak-anak sejajar dengan kepesatan peredaran dan perubahan zaman hari ini (Siti Noor, Khadijah & Syed Mohammad Hilmi, 2022). Ini diakui oleh informan 1:

“Pada saya sama ada sebelum kahwin, semasa dan selepas, ilmu parenting ni dia tidak ada tempoh-tempoh tertentu sebabnya dia adalah sepanjang hidup. Jadi, untuk ibu bapa perlu bersedia dan ada sifat tanggungjawab dalam diri itu yang penting”.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pengendalian tanggungjawab untuk mengasuh dan mendidik anak-anak memerlukan kepada kesediaan ibu bapa. Menurut informan 4;

“Berdasarkan daripada pengalaman saya, anak-anak yang masuk di pusat ini antara faktornya adalah kurang didikan agama. Ibu bapa memberi didikan agama tetapi tidak diterapkan sepenuhnya dan tidak diamalkan di dalam keluarga. Contoh, ayah suruh anak pergi mengaji atau solat, tapi ayah sendiri tak solat dan mengaji begitu juga dengan maknya. Jadi, maksudnya dekat sini ibu bapa sendiri perlu menjadi contoh atau role model yang baik untuk anak-anak.

Kenyataan ini menekankan bahawa ibu bapa perlu menjadi *role model* kepada anak-anak. Menurut Che Zarrina, Sharifah Basirah, Siti Sarah & Faizuri (2019) ibu bapa perlu sudah mempelajari dan menimba ilmu pengetahuan yang lengkap untuk mendidik anak-anak. Menurut Abdul Munir, Sharizah & Misnan (2016) sekiranya ibu bapa memiliki ilmu tentang kemahiran keibubapaan yang mantap dalam mendidik anak-anak, ianya berupaya membantu perkembangan dan pertumbuhan anak-anak selaras dengan fitrah kejadiannya.

ii. **Persediaan Kemahiran Keibubapaan**

Ibu bapa penting untuk mengetahui kemahiran atau kaedah untuk mendidik serta membimbing anak-anak Ini kerana ibu bapa yang berpengetahuan luas dalam ilmu keibubapaan akan membentuk generasi yang mempunyai keperibadian yang baik (Talhah, Na'im, Zaid, Ezzuddin & Afif, 2019). Kenyataan ini sejajar dengan dapatan kajian Che Zarrina et al. (2019) yang meyakini bahawa peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak sangat penting bagi membentuk personaliti anak-anak dari sudut spiritual, mental dan perilaku remaja sama ada menjurus kepada pembentukan jati diri positif ataupun negatif. Pendidikan yang diberikan kepada

anak-anak perlulah meliputi segenap aspek meliputi akhlak, pergaulan, ilmu pengetahuan serta mempunyai sifat malu apabila melakukan kesalahan. Remaja yang dididik dengan sifat-sifat yang dinyatakan di atas akan menjadi dewasa dengan kesempurnaan akal. Penyampaian nasihat tentang dunia ini sebagai tempat menyediakan bekalan di akhirat dan bukannya tempat memperturutkan hawa nafsu pasti meresap ke dalam jiwa mereka yang telah dididik dengan baik (Al-Ghazali, 1991; Che Zarrina et al., 2019). Menurut informan 1:

“Seterusnya, ialah didikan, kaedah atau teknik keibubapaan itu adalah juga elemen yang penting”.

Kenyataan ini menjelaskan keperluan mempunyai kemahiran kaedah atau teknik keibubapaan yang betul dalam mendidik dan membimbing anak-anak. Menurut informan 1 terdapat beberapa jenis kaedah didikan ibu bapa dengan menjelaskan bahawa:

“Jenis ibu bapa dalam mendidik anak-anak ni ada empat. Yang pertama, ialah autokratik di mana ibu bapa tu tegas dalam mendidik. Kedua, dia manja kurang komunikasi dengan anak tapi dia manjakan anak-anak. Yang ketiga, sederhana dan empat neglect. Neglect ni dia abaikan terus anak-anak biarkan je contoh hantar anak kepada pengasuh atau saudara mara pak cik ke atau nenek ke untuk jaga”

Ibu bapa perlu mengetahui cara, kaedah atau teknik yang betul agar segala yang dilaksanakan mendatangkan hasil dan kesan yang baik kepada keluarga. Oleh itu, sebagai ibu bapa mesti belajar dan mengenalpasti kaedah-kaedah yang sesuai untuk diaplikasikan dan digunakan dalam mendidik anak-anak agar menjadi seorang insan serta Muslim yang sejati. Selain itu, informan 3 turut berkata;

“Macam mana yang kita semua tahu mendidik anak-anak zaman sekarang ini bukanlah mudah sebabnya dunia dan zaman sudah berubah. Jadi, sebagai selaku pengurus yang mendidik dan membimbing anak-anak remaja di pusat pemulihan ni kita yakin bila Rasulullah SAW pun berkata, didiklah anak mengikut zaman. Jadi, sebagai ibu bapa perlu pastikan memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada anak-anak dan juga kena pastikan pergerakan anak-anak serta melihat perubahan tingkah laku anak-anak”

Tambah beliau lagi,

“Sebagai ibu bapa juga perlu mendidik anak-anak dengan disiplin dan ketegasan agar anak-anak tahu tentang apa perkara yang betul dan salah untuk mereka buat”

Berdasarkan penjelasan informan 3 di atas, dapat difahami bahawa sebagai ibu bapa perlu menyiapkan diri dengan kemahiran mendekati anak-anak mengikut perubahan zaman. Menurut Asmawati, Fatimah, Zainah, Ba' Yah dan Norahim (2015) mendapati kemahiran keibubapaan merupakan peramal kepada tingkah laku bermasalah anak-anak yang tidak mencapai kesejahteraan dalam diri. Di samping itu, peranan gaya asuhan dan kemahiran keibubapaan yang tidak sihat akan menggalakan anak-anak untuk terlibat dengan apa jua bentuk salah laku. Ini disokong dengan dapatan kajian Che Zarrina et al. (2019) yang menyatakan bahawa ibu bapa seharusnya bijak tentang gaya keibubapaan tertentu seperti demokratik, autoritarian atau bertolak ansur apabila perlu dalam urusan mendidik anak-anak.

Elemen sokongan ibu bapa penting dalam proses pembangunan jati diri remaja delinkuen. Ibu bapa perlu sentiasa memberi sokongan moral dan motivasi kepada anak-anak remaja sama ada semasa anak remaja sedang melalui program pembangunan di institusi pemulihan mahu pun setelah keluar dari institusi pemulihan agar dapat berubah ke arah yang lebih baik.

c) **Pengamalan Agama**

Pengamalan agama merupakan salah satu elemen sokongan yang dapat membantu membentengi diri remaja daripada melibatkan diri dalam salah laku delinkuen. Pengamalan hidup beragama merupakan suatu bentuk penerapan dan penghayatan prinsip agama melalui modul pengajaran agama itu sendiri. Dalam konteks agama Islam, kehidupan beragama ini adalah dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang harus dihayati dan diamalkan sepenuhnya sebagai seorang Muslim (Rafiza, 2015). Menurut Mustapha (2017), hidup beragama ini menjadi aspek penting dalam kehidupan manusia kerana ia dapat memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan peribadi, ketenangan emosi dalaman, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup. Selain itu, amalan beragama ini bukan sahaja sekadar amalan luaran akan tetapi sehingga meresap di dalam jiwa iaitu meliputi hubungan dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia juga dengan alam yang berasaskan kepada hukum syarak (Md. Nor, 2012).

Kajian Noor Lela et al. (2018) mengemukakan bahawa aspek agama penting dalam pembangunan jati diri remaja kerana ia adalah senjata ampuh yang membantu golongan remaja delinkuen untuk menangkis segala anasir yang bersifat negatif agar tidak terjerumus dalam gejala masalah sosial masa kini. Ini sejajar dengan pendapat informan 1 iaitu;

“Agama lah aspek yang sangat penting dalam memberikan penerapan kepada akhlak dan penilaian. Aspek agama ini perlu difahami, dianalisis, diaplikasikan dan membuat penilaian”

Kenyataan di atas turut disokong oleh informan 2 yang menyatakan bahawa;

“Pada pandangan saya, untuk membangunkan jati diri remaja delinkuen ini terutama daripada perspektif Islam adalah dengan memfokuskan kepada aspek agama”

Begitupun dengan informan 5 yang berpandangan bahawa;

“Untuk memulihkan dan mengembalikan jati diri seseorang pelatih adalah dengan mengembalikan diri mereka kepada pengukuhan agama”

Berdasar kenyataan ini amalan agama adalah elemen sokongan yang penting bagi membangun jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak antaranya menerusi amalan solat, zikir dan membaca al-Quran.

i. Amalan Solat

Solat merupakan amalan yang wajib dilaksanakan oleh setiap insan yang beragama Islam. Islam mengajarkan pelbagai tatacara bersolat sama ada ketika musafir, sakit atau berperang (Nazneen et al., 2019). Menurut informan 1,

“Contoh, kita lihat dalam bab solat. Solat ni biasanya orang akan jelaskan yang solat ni kena buat sebab kalau tak buat dosa dan Allah marah lepas tu masuk api neraka. Jadi, remaja ni diorang akan faham sampai situ sahaja untuk solat. Kita lihat juga contoh di sekolah guru mengajar dan dalam kelas hanya diajarkan adalah teori sahaja. Jadi, apa yang perlu kita ubah yang saya kata tadi adalah dengan memberikan kefahaman kepada remaja tadi. Mungkin cara kita memberi kefahaman itu perlu diubah sepertinya kita ceritakan tentang kelebihan orang yang solat. Banyak kelebihannya antaranya menjadi lebih tenang, mendapat kejayaan, dan boleh juga kaitkan dengan sains dari segi kesihatan sains juga mengatakan bahawa solat adalah baik untuk kesihatan di samping juga latihan dan senaman”

Berdasarkan daripada dapatan temu bual bersama informan 1 di atas menunjukkan banyak kelebihan melaksanakan amalan solat antaranya kehidupan menjadi lebih tenang, memperoleh kejayaan dunia dan akhirat serta dapat mengekalkan kesihatan tubuh badan yang sihat. Selain itu, informan 5 dan 6 turut menyebut;

“Antara amalan yang paling baik untuk diamalkan oleh remaja dalam proses membangunkan jati diri adalah dengan melaksanakan ibadah solat sama ada solat yang wajib dan juga solat-solat sunat yang dianjurkan dalam Islam”

Manakala, menurut informan 3 dan 4 menyatakan;

“Penerapan nilai-nilai Islam anak-anak remaja di pusat pemulihan adalah bermula seawal 3.30 pagi untuk melaksanakan solat tahajud. Jadi, bermula awal pagi mereka qiamullail lepas tu sambung pula dengan melakukan amalan-amalan sunat yang lain”

Ini membuktikan bahawa dengan melaksanakan amalan solat sama ada solat yang wajib dan solat-solat sunat yang lain seperti solat tahajud, hajat, taubat, *ba'diyah*, *qabliyyah* dan lain-lain merupakan salah satu amalan yang dapat membangunkan jati diri remaja sekaligus mendekatkan diri dengan Allah SWT dan kembali ke jalan yang benar.

ii. **Amalan Zikir**

Amalan zikir bertujuan membersihkan dan menyuci jiwa manusia serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Zikir merupakan proses menyebut nama Allah SWT sama ada melalui lisan atau hati (Mohammad Fahmi et al., 2021). Menurut informan 2 iaitu;

“Sepertimana yang kita lihat di dalam al-Quran banyak ayat yang disebutkan tentang zikir. Jadi, antara amalan untuk membangunkan jati diri adalah dengan berzikir. Sebagai contoh, ayat tentang zikir iaitu Wazkurismarabbika Watabattal ilaihi tabtila. Ayat ini ialah sebutlah nama tuhan, maknanya ingat pada Allah dengan sebutan zikiran yang hanya mengingati Allah sahaja dan jangan yang lain. Dan dengan berzikir ini akan menghasilkan hati yang ikhlas. Apabila hati sudah ikhlas, InsyaaAllah ianya akan membantu membangunkan jati diri remaja”

Ini sejajar dengan dapatan informan 4, 5 dan 6 iaitu dengan menyatkan bahawa,

“Apa sahaja yang Rasulullah SAW telah ajarkan, kita cuba amalkan sebanyak dan sebaik mungkin sebagai contoh dengan berzikir”

Kenyataan ini menunjukkan bahawa amalan zikir membuatkan diri remaja mengingati Allah SWT di samping membantu menghasilkan hati dan jiwa yang ikhlas serta sekali gus dapat membangun semula jati diri remaja.

iii. **Amalan Membaca al-Quran**

Amalan membaca al-Quran adalah amalan penting yang perlu diamalkan dalam kehidupan setiap insan. Menurut Mohd. Nawi et al. (2019) mereka yang membaca al-Quran sebagai sumber bacaan utama, sudah pasti akan memperoleh kejayaan dan kesejahteraan dunia dan akhirat. Membaca al-Quran juga menjadi santapan rohani bagi menggerakkan minda supaya seseorang itu berfikir (Mohd Nawi, 2016). Ini bermaksud dengan membaca al-Quran dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, menurut informan-informan selain daripada melaksanakan amalan solat dan berzikir, membaca al-Quran juga perlu diterapkan diamalkan oleh

golongan remaja delinkuen ketika berada di institusi pemulihan. Menurut informan 3;

“Di pusat ni kita ada tadarus, kita ada mengaji al-Quran, dan kemudian kita ada pilih beberapa surah harian yang mereka wajib baca sebelum tidur seperti Surah al-Mulk dan surah-surah lazim yang lain serta bacaan al-Mathurat juga”


Selain itu, informan 5 juga turut berkata bahawa;

“Remaja juga diberi dorongan untuk menyertai kelas pengajian al-Quran yang diajar oleh Ustaz dan Ustazah. Dan untuk meningkatkan motivasi mereka membaca al-Quran kita adakan majlis khatam al-Quran dan kita masak pulut kuning. Jadi, mereka rasa seronok la untuk belajar”

Namun begitu, dalam melaksanakan ibadah ini juga memerlukan kepada sifat *mujahadah*. Perkara ini ditekankan oleh informan 4 dengan menyebut;

“Anak-anak ni perlu mujahadah melakukan ibadah. Mujahadah ini maksudnya Rasulullah SAW kata jihad yang paling besar adalah hawa nafsu. Jadi, mereka kena ada kekentalan, kekuatan dalam diri untuk melakukan ibadah”

Kesemua amalan ibadah memberikan kesan terhadap usaha pembangunan jati diri remaja delinkuen khususnya di pusat pemulihan akhlak. Usaha ini memerlukan kekuatan iaitu menerusi sifat *mujahadah* agar pengamalan agama tersebut dapat dilaksanakan secara istiqamah. Secara keseluruhannya, elemen pembangunan jati diri remaja delinkuen memerlukan elemen-elemen sokongan iaitu guru pembimbing, ibu bapa dan pengamalan agama. Rajah 1 di bawah menunjukkan hubungan antara ketiga-tiga elemen yang telah dikemukakan dalam proses pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak.



Rajah 1: Elemen Sokongan Dalam Proses Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen

Guru pembimbing, ibu bapa dan pengalaman agama merupakan tiga elemen sokongan utama dalam usaha pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak. Seorang guru pembimbing mesti mempunyai ilmu dalam bidang spiritual, melalui proses amalan spiritual manakala sebagai ibu bapa perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan teknik keibubapaan untuk mendidik anak-anak. Kenyataan ini disokong oleh kajian Nur Amal, Azlina dan Mohamad Fauzi (2021) dalam mengendalikan sesebuah keluarga ibu bapa perlu menerapkan ilmu keagamaan. Jika ibu bapa tidak memberikan bimbingan dan didikan tentang panduan yang utama dalam kehidupan, maka sudah tentu remaja akan mengikut nafsu semata-mata. Kesannya dapat dilihat apabila bekas pelatih muda kembali mengulangi jenayah yang pernah dilakukan. Selain elemen guru pembimbing dan ibubapa adalah elemen pengamalan agama. Elemen pengamalan agama turut memberi pengaruh besar dalam usaha pembangunan jati diri remaja delinkuen. Memiliki kekuatan pengamalan agama yang baik dalam diri penting agar dapat berperanan sebagai insan yang memiliki perlakuan yang baik dan beramal soleh dengan ajaran agama Islam (Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir, Rahim KZ & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Pengamalan agama dapat membantu diri remaja sendiri dengan menyucikan hati dan akal, mengawal nafsu diri sendiri daripada melakukan perkara-perkara yang melanggar syariat Islam, memelihara pergaulan, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah SWT.

KESIMPULAN

Usaha membentuk dan membangunkan jati diri remaja delinkuen memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Sokongan dan dorongan daripada semua pihak terutama guru pembimbing, ibu bapa dan pengamalan agama juga perlu seiring. Elemen-elemen sokongan yang dikemukakan ini penting bagi membantu golongan remaja untuk terus berubah ke arah yang lebih baik agar proses pembangunan jati diri remaja dapat dilaksanakan dengan efektif.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam'.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali. (2016). Analisis bentuk didikan ibu bapa bagi membentuk sahsiah cemerlang: kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8, (2), 1-10.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11 (1), 1-17.

- Adelman, H. S., & Taylor, L. (2014). Embedding school health into school improvement policy. *International Journal School Health*, 1(3), 1–8.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. (2016). *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 138- 148.
- Amin M. Z. M., Mohd Saiful Amri Zainal Abidin & Abdulloh Salaeh. (2019). Peranan Mujahadah Dalam Terapi Psiko Spiritual: Analisis Terhadap Model Rawatan Penagihan Dadah Berlandaskan Quran dan Sunnah. *Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019)*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'yah Abdul Kadir & Mohd Norahim Mohamaed Sani. (2015). Kemahiran keibubapaan, kefungsiannya keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29 (2), 32-42.
- Beam, M. R., Gil-Rivas, V., Greenberger, E., & Chen, C. (2002). Adolescent problem behavior and depressed mood: risk and protection within and across social contexts. *Journal of Youth and Adolescence*, 31 (5), 343-357.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/ pelajar muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7 (2), 11-30.
- Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Siti Sarah Ahmad & Faizuri Abd Latif. (2019). Model pendidikan keibubapaan abduallah nasih ulwan (MPIU) dalam menangani isu remaja lari dari rumah. *Journal of Usuluddin*, 47 (Khas), 73-103.
- Deng, S., & Roosa, W. (2007). Family influences on adolescent delinquent behaviors: applying the social development model to a Chinese sample. *American Journal of Community Psychology*, 40, 333-344.
- DeSantis King, L. A., Huebner, S., Suldo, S. M., & Valois, R. F. (2006). An ecological view of school satisfaction in adolescence: Linkages between social support and behavior problems. *Applied Research in Quality of Life*, 1, 279-295.
- Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail & Norizan Hassan. (2018). Peranan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan remaja penagih dadah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3), 109-118.
- Fatimah Ali. (2007). Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya Dengan Kemosotan Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145-154.
- Fauziah Ibrahim. (2009). *Dadah dan Pembangunan Belia: Antara Cabaran dan Peranan*. Penerbit UPM.
- Fox, N. A., Almas, A. N., Degnan, K. A., Nelson, C. A., & Zeanah, C. H. (2011). The effects of severe psychosocial deprivation and foster care intervention on cognitive development at 8 years of age: Findings from the Bucharest early intervention project. *Journal Child Psychology Psychiatry*, 52(9), 919–928. <https://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2010.02355.x>.

- Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh. (2018). Elemen Psiko-Spiritual Dalam Menangani Delinkuensi Remaja, *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*, Johor.
- Kamarul Azmi Jasmi, Kamaluddin Abd. Rahman, Azhar Muhammad, Mohd Ismail Mustari & Muhamad Faiz Ismail. (2012). Pembinaan Hubungan Baik Antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPP12012)*, Johor Bahru. 319-329.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Nurul Husna Mansor. (2019). Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Jurnal Islamiyyat, Volume 41*, Issue 1, 59-68.
- Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin & Siti Rozana Saili. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4, Special Issue 1.
- Mariam Abd Majid et. al. (2022). Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia. *Journal of Human Capital Development*, 15, (1).
- Maziahtusima Ishak, Norhasni Zainal Abidin & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2017). Eksplorasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat Dari Perspektif Pendidikan Pengembangan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6), 214-230.
- Md. Noor Saper. (2012). *Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Dan Kesannya Ke Atas Religiositidan Resiliensi Remaja*. (Tesis Dr Fal.) Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Mohd Nasir Selamat & Azizah Othman. (2021). *Delinkuensi Remaja: Isu, Intervensi & Pemulihan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar & Norruzeyati Che Mohd Nasir. (2020). Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *International of Journal of Criminology and Sociology* 9, 415-430.
- Mohd Saiful Akmal A. Karim, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. (2021). Pendidikan akhlak dalam menangani isu gejala sosial pelajar. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1, (3), 49-60.
- Mohd Nasir Selamat et. al. (2018). Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 14, (4), 115-126.
- Moon, S. S., Mo, B. C., & Basham, R. (2010). Adolescent depression and future smoking behavior: a prospective study. *Child Adolescence Social Work Journal*, 27, 405-422.

- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain', Muhammad Na'im Iman Zulkifly, Mohamad Zaid Mohd Hussain, Ahmad Ezzuddin Mohamad & Muhammad Afif Rosli. (2019). *Kaedah dan Ciri Pendidikan Dalam Melahirkan Sebuah Keluarga yang Sejahtera*. Johor: Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. (2016). Teras Pemikiran Abu Hamid Al-Ghazali pemangkin kemenjadian sahsiah insan holistik. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1 (2), 72-93.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad. (2019). Pembacaan Al-Quran dalam pendidikan masa kini: satu tinjauan umum. *Jurnal al-Turath*, 6, (1), 43-55.
- Ng Ying Yee & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2017). Resilience as mediator in the relationship between family functioning and depression among adolescents from single parent families. *Akademika*, 87 (1), 111-122.
- Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd. Majid & Hasnan Kasan. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4, (2), 78-93.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Ahmad Munawar Ismail, Maizan Mat @ Muhammad & Norsaleha Mohd Salleh. (2017). Elemen Pembangunan Modal Insan Dalam Program Pemulihan Remaja di Taman Seri Putri, Cheras. *International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*. Institut Latihan Malaysia (ILIM), Bangi.
- Noor Lela Ahmad, Atikah Amidi & Hariyaty Ab Wahid. (2018). Pengaruh ibu bapa terhadap tinglah laku delinkuen pelajar sekolah menengah. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 2, (8), 85-94.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2017). Pemulihan Akhlak Di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian Di Baitul Ehsan Dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari*, 2 (9) 261-274.
- Norsahida Sakira Kirman et. al. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6, (1),106-118.
- Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff. (2020). Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Journal of Usuluddin*, 48, (2), 1-23.
- Nur Amal Zaimah, Azlina Abdullah & Mohamed Fauzi Sukimi. (2021). Isu dan Cabaran Keluarga Sebagai Agen Kawalan Sosial dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 207-214.
- Nurzatil Ismah Azizan et. al. (2022). Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan, *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 9, (2), 59-74.

- Othman Lebar. (2022). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisis Kedua*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramlan Mustapha. (2017). *Reka Bentuk Model Integriti Akademik Berasaskan Penghayatan Rohani*. (Tesis PhD). Universiti Malaya.
- Ropizah Rohani, Zakiyah Jamaluddin & Abd Razak Abd Manaf. (2019). Peranan guru dalam meningkatkan penyesuaian psikososial penghuni kanak-kanak. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4, (3), 427-441.
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen. (2017). Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja, *Akademika*, 87 (1), 7-16.
- Siti Aisyah Kamaruddin & Latifah Abdul Majid. (2017). Peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. *Jurnal al-Turath*, Vol. 2, No. 2, 31-37.
- Siti Hajar Johari, Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim, Siti Nir Aisyah Akhwan, Restu Nabila & Jeffery Apdal. (2019). Peranan kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4, (32), 367-378.
- Siti Noor Farahin M Fariddudin, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. Dimensi Keibubapaan Dalam Pendidikan Anak di Era Pandemik dan Solusi Menurut Kitab Manhaj Al-tarbiah Al-Nabawiyah li Al-Tifli, *Jurnal Ususluddin*, 50 (1), 93-114.
- Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari. (2020). Kaedah penyelesaian masalah kerohanian dalam pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3, (1), 130-144.
- Tharshini N.K., Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria. (2021). Pengaruh faktor konsep sendiri, kesedaran komuniti dan sokongan sosial terhadap pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 39(1), 117-140.